

BAB LIMA

PENDIDIKAN SEJARAH DI MALAYSIA

MENJELANG TAHUN 2003

5.0 Pengenalan

Perkembangan dan aspirasi negara tidak dapat dipisahkan daripada perkembangan pendidikan yang menjadi tulang belakang pembentukan generasi akan datang. Pada 28hb. Februari, 1992, Perdana Menteri Dr. Mahathir Mohamad telah membentangkan Wawasan 2020 melalui ucapan beliau bertajuk "Malaysia: The Way Forward" di Persidangan Pertama Majlis Perdagangan Malaysia. Wawasan ini sekaligus memetakan arah haluan negara dalam gerakan pembinaan dan pembangunan bangsa Malaysia yang berdaulat dan bermaruah menjelang abad ke-21 seperti berikut:

*"Menjelang tahun 2020, Malaysia boleh menjadi negara bersatu dengan masyarakat Malaysia yang yakin, mempunyai nilai moral dan etika yang kukuh, hidup dalam masyarakat yang demokratik, liberal dan bertolak ansur, penyayang, adil dari segi pengagihan ekonomi, progresif dan makmur, dan mempunyai penguasaan sepenuhnya dalam ekonomi yang berdaya saing, dinamik, giat dan kental." (Mahathir Mohamad, *The Way Forward*, 1992, hal.14).*

Wawasan 2020 merupakan cetusan ide kearah persediaan bagi menghadapi cabaran-cabaran abad ke-21 untuk membentuk masyarakat yang bersatu padu, bebas, teguh dan tangkas untuk menghadapi segala rintangan. Cabaran-cabaran seterusnya adalah untuk membentuk dan memperkembang sebuah masyarakat demokratis yang matang dan unggul, yang kukuh nilai-nilai keagamaan, moral dan etikanya, yang matang dan bersifat toleran, yang bebas mengamalkan dan melaksanakan

adat resam, kebudayaan serta kepercayaan agamanya, serta yang berbudi dan berbudaya penyayang.

Sistem pendidikan mempunyai peranan besar dalam hal ini, kerana sistem pendidikan menjadi nadi kepada kejayaan generasi masa hadapan. Falsafah Pendidikan Negara yang menggambarkan bentuk dan wajah generasi yang akan dihasilkan oleh sistem pendidikan negara. Menurut Wan Mohamad Zahid, Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia pada tahun 1993, sistem pendidikan tersebut merupakan usaha untuk mewujudkan budaya ilmu hingga ke akhir hayat, melahirkan insan yang bermoral dan bertakwa kepada Tuhan, serta mempunyai keseimbangan dari segi emosi, jasmani dan intelek.

Ini merupakan sebagai persediaan kepada warganegara masa hadapan untuk menghadapi cabaran-cabaran yang bakal wujud pada masa hadapan. Kurikulum Bersepadu yang digubal bagi menggantikan kurikulum lama menjurus ke arah mengukuhkan keimanan, ketakwaan dan moral generasi akan datang. Reformasi pendidikan dilaksanakan untuk mengatasi kelemahan-kelemahan yang wujud dalam sistem pendidikan sedia ada, disamping bertujuan untuk memenuhi keperluan-keperluan semasa dan juga kehendak-kehendak masa depan. KBSR dan KBSM dirancang berteraskan kepada keperluan-keperluan rohani dan jasmani. Sistem pendidikan di Malaysia adalah selaras dengan konsep pembangunan negara dan bangsa Malaysia yang bersifat futuristik.

Wawasan 2020 menyediakan wadah untuk kita menjelajah dan merancang masa

depan secara serius dan sistematik. Generasi kini harus peka dan bersedia menghadapi arus perubahan yang pantas dan mendesak. Ini penting supaya generasi kini tidak mengalami 'kejutan masa depan' (future shock). Lebih-lebih lagi dengan berkembangnya arus teknologi maklumat. Kejutan masa akan membawa kesan yang mendalam ke atas peribadi, psikologi dan sosiologi seseorang. Untuk mengelak ini daripada berlaku, maka proses pendidikan perlu melatih generasi kini supaya dapat berfikir secara futuristik. Ini amat mustahak untuk melatih generasi kini membuat persediaan, perancangan dan memikirkan langkah-langkah untuk menghadapi kemungkinan-kemungkinan yang akan berlaku pada masa depan.

5.1 Pendidikan Sejarah Menjelang Tahun 2003

Penggubalan kurikulum Sejarah dalam KBSM memperlihatkan kaitan timbal balik antara falsafah pendidikan universal dan falsafah pendidikan negara. Falsafah pendidikan universal mempunyai matlamat memahami keadaan masa lalu bagi dijadikan ikhtibar dan panduan kepada masyarakat. Ia juga merupakan elemen untuk membentuk warganegara yang sempurna, melahirkan perkembangan intelektual dan mengembangkan unsur-unsur kemanusiaan di kalangan pelajar. Matlamat dan kandungan sukatan pelajaran Sejarah telah disusun selaras dengan dasar perlombagaan serta objektif pendidikan negara. Matlamat utama negara ialah membina satu masyarakat yang adil dan bersatu padu. Kurikulum Sejarah yang digubal memberi penekanan pemupukan unsur-unsur perpaduan seperti bersemangat kekitaan, berharmoni, bertolak-ansur, bermuafakat dan bermuhibah. Penekanan diberi kepada perkembangan sejarah dari kaca mata tempatan atau 'Malaysian-centric'. Ini diterapkan

melalui pengurusan organisasi kurikulum, penentuan tema-tema dan pentafsiran fakta-fakta sejarah yang selaras dengan matlamat mewujudkan kebanggaan dan keperibadian bangsa Malaysia.

Walau bagaimanapun, perlaksanaan pendidikan sejarah didapati kurang memberi kesan kepada pelajar baik dari aspek pemerolehan ilmu maupun penerapan nilai-nilai, khususnya nilai-nilai kewarganegaraan dan integrasi nasional. Pelbagai pihak telah memberikan kritikan dan mengemukakan pandangan agar mata pelajaran itu dikaji dan disusun semula. Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, seperti yang dilaporkan dalam *Utusan Malaysia* (29 Ogos, 2001:2) menyarankan supaya pendidikan sejarah negara dan kefahaman mengenai ketatanegaraan perlu diberi pendekatan yang lebih praktikal. Ini penting supaya mata pelajaran itu mudah dihayati oleh generasi muda. Menurut beliau lagi, generasi muda memerlukan pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang lebih sofistikated bersetujuan dengan keadaan semasa dalam menyuburkan semangat patriotisme dan jati diri.

Pemindaan kurikulum pendidikan Sejarah di peringkat menengah akan dibuat secara berperingkat-peringkat mulai tahun 2003. Kurikulum baru ini dijangka akan dapat digunakan sepenuhnya di semua sekolah menengah selewat-lewatnya pada tahun 2008. Ini ditegaskan oleh Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamad, seperti dipetik dalam *Utusan Malaysia* (31 Oktober, 2001:8), yang menyatakan bahawa perubahan kurikulum mata pelajaran Sejarah ini akan dapat menjadikannya lebih menarik dan tidak lagi menekankan aspek penghafalan fakta semata-mata. Pindaan tersebut melibatkan perubahan orientasi pengajaran dan pembelajaran Sejarah dari


berorientasikan isi kandungan kepada orientasi mendidik.

Kementerian Pendidikan, khususnya Pusat Perkembangan Kurikulum telah mengambil langkah untuk menyemak semula kurikulum Sejarah. Kurikulum yang sedia ada telah disusun dan distruktur semula dari tingkatan satu hingga tingkatan lima. Strategi yang digunakan ialah dengan membuat pengubahsuaian, pemindaan, penggabungan dan pengekalan tajuk-tajuk dengan mengelakkan pengulangan dan pertindihan. Penekanan diberi kepada usaha pemupukan semangat patriotik. Organisasi kandungan Sejarah yang baru merupakan kesepaduan antara ilmu (kandungan atau ilmu pengetahuan), kemahiran pemikiran sejarah dan nilai patriotisme yang boleh menyuburkan intelek, rohani, emosi dan jasmani. Kesepaduan ini akan berjalan serentak dalam pengajaran dan pembelajaran sejarah secara berterusan (Sila Rujuk Rajah 3).

Organisasi kurikulum baru Sejarah ini diuraikan dengan jelas dalam Huraian Sukatan Pelajaran Sejarah, Kementerian Pendidikan Malaysia tahun 2000. Fokus utama kandungan kurikulum Sejarah yang baru ini adalah kepada pengetahuan dan pemahaman Sejarah Malaysia. Pada peringkat menengah rendah (SMR), pengkajian ini bermula dengan zaman prasejarah hingga tahun 1965. Kandungannya terdiri daripada tiga bahagian iaitu Kajian Sejarah Tempatan, Sejarah Malaysia dan Sejarah Negara Luar.

Rajah 3

Organisasi Kurikulum Sejarah Tahun 2003



(Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia, 2000)

Di peringkat menengah atas (SMA), pendekatan bersepada akan diperkenalkan dengan menggabungkan komponen Sejarah Malaysia dengan komponen Sejarah Negara Luar. Pengkajian bermula dengan memberi gambaran menyeluruh tentang evolusi peradaban manusia di peringkat antarabangsa yang sekaligus dapat memperkasa martabat bangsa dan negara Malaysia yang berdaulat. Pada asasnya, rasional pemilihan isi kandungan bagi kedua-dua peringkat adalah berdasarkan faktor kesinambungan dan faktor "centric" atau pemasukan. Kadar pemberatan isi kandungan adalah menekankan kepada Sejarah Malaysia sebanyak 70% dan Sejarah Negara Luar yang mempunyai perkaitan sebanyak 30%.

Di peringkat sekolah rendah pada Tahap Satu, unsur patriotisme akan diserapkan dalam semua mata pelajaran melalui pendekatan menyeluruh, bersepada dan merentas kurikulum. Pada Tahap Dua pula, elemen sejarah masih diserapkan dalam mata pelajaran Kajian Tempatan sebagai pendokong utama pemupukan patriotisme dan Pendidikan Moral. Perasaan bangga sebagai rakyat Malaysia akan dipupuk melalui contoh-contoh yang terdapat disekeliling mereka seperti pernyataan-pernyataan berikut:

"... bunga yang terbesar di dunia iaitu Rafflesia terdapat di Malaysia; ... hutan malar hijau tropika tertua di dunia, iaitu Taman Negara, terletak di Malaysia; ... Gunung Kinabalu, kemuncak tertinggi di Asia Tenggara, terletak di Malaysia." .

Usaha pemupukan patriotisme akan diteruskan di peringkat sekolah menengah. Dalam penyemakan semula kurikulum Sejarah, unsur patriotisme ini dimasukkan secara tersurat dan secara langsung dalam kurikulum mata pelajaran Sejarah. Usaha ini diharap dapat memastikan pemupukan semangat patriotik menjadi lebih berkesan. Kurikulum baru Sejarah yang dirancang mengambilkira pelbagai aspek merangkumi ilmu,

kemahiran dan nilai-nilai patriotisme. Justru, perlaksanaan kurikulum baru ini nanti memperlihatkan bahawa hasrat KBSM harus mempunyai kesinambungan, diberi penekanan, dimantap dan diperkuuhkan lagi, khususnya dalam usaha pemupukan semangat patriotik supaya semangat ini tertanam subur dijiwa sanubari pelajar-pelajar.

Sehubungan perubahan kurikulum mata pelajaran Sejarah, penerbitan semula buku teks untuk kegunaan di sekolah telah dijalankan. Tiga unsur utama yang menjadi komponen penting dalam penerbitan buku teks tersebut ialah unsur kesepaduan isi kandungan, unsur patriotisme dan unsur disiplin pendidikan Sejarah. Penerapan unsur ini akan dibuat melalui konsep pakej buku teks, skop, kedalaman kandungan, persembahan, bahan grafik, aktiviti dan latihan serta istilah. Dalam penulisan semula buku teks sejarah sekolah menengah, penerapan dan penyuburan unsur patriotisme akan menjadi keutamaan.¹ Buku teks Sejarah yang akan digunakan oleh pelajar di sekolah menengah tingkatan satu dan tingkatan empat mulai tahun 2003 akan diterbitkan dalam bentuk pakej yang terdiri daripada Buku Teks dan Buku Panduan Guru. Beberapa pertimbangan yang diberi perhatian dalam penulisan buku teks ialah memastikan kandungan buku teks mampu merealisasikan Falsafah Pendidikan Negara, matlamat dan objektif serta kehendak sukan pelajaran dan huraihan sukan pelajaran Sejarah. Unsur patriotisme dan iktibar daripada sejarah akan diserapkan secara langsung dalam kandungan teks, bahagian pengenalan sesuatu bab, subtopik dan dalam rumusan.

Dalam mempersembahkan bahan, reka letak yang kreatif dan menarik akan diutamakan. Bahan-bahan yang dikemukakan diharap akan dapat dicerminkan melalui ikon-ikon dan penyendal-penyendal tertentu. Kesinambungan kandungan mempunyai

hubungan dengan nilai patriotisme. Aspek aktiviti dan latihan akan menyentuh kemahiran kognitif dari aspek pengetahuan, kefahaman dan seterusnya aplikasi, sintesis dan penilaian. Sementara bahan grafik yang dipilih atau digunakan harus mempunyai ciri-ciri patriotisme. Ini dapat dipaparkan melalui gambar yang bersifat patriotik, foto-foto yang bernilai bersejarah, dan penggunaan logo-logo. Dari segi penggunaan bahasa, istilah-istilah yang mempunyai unsur patriotisme yang dapat membangkitkan rasa cinta kepada agama, bangsa dan negara wajar diketengahkan. Di samping itu, perkara-perkara yang sensitif yang boleh menimbulkan prasangka, menjatuhkan maruah, merendahkan martabat terhadap ras, agama, kebudayaan, pekerjaan dan diskriminasi kaum akan dielakkan. Unsur-unsur negatif yang melibatkan sikap, pemikiran dan tingkah laku yang bertentangan dengan nilai-nilai murni masyarakat Malaysia perlu dielakkan.

5.1.1 Cabaran-Cabaran Dalam Pendidikan Sejarah

Cabarannya paling utama dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah pada abad ke-21 ialah menanamkan dan menyuburkan semangat kecintaan kepada negara dan pengukuhan integrasi nasional. Semangat kecintaan ini akan melahirkan pelajar yang bertanggungjawab serta bersedia dengan penuh rela untuk berkorban apa saja demi bangsa dan negara tercinta. Penerapan patriotisme kepada pelajar-pelajar merupakan satu tugas yang kritikal dan mencabar serta boleh menimbulkan masalah kepada guru-guru Sejarah. Paling mencabar ialah usaha untuk melahirkan pelajar yang mempunyai minat yang tinggi dan berasa seronok untuk mempelajari Sejarah.² Lebih-lebih lagi, mata pelajaran ini sukar untuk dinilai dan diukur keberkesanannya. Ketiadaan minat dan

kesedaran di kalangan pelajar untuk mempelajari Sejarah, dikhuatiri tidak akan memberi makna kepada sebarang perubahan dalam kurikulum Sejarah.

Cabarannya seterusnya terhadap pendidikan Sejarah berhubung rapat dengan hasrat kerajaan Malaysia untuk memimpin negara ini melangkah ke era maklumat. Kerajaan elektronik diwujudkan bagi mengembeling maklumat, komunikasi dan teknologi multimedia bagi melicinkan pentadbiran kerajaan. Justru, Koridor Raya Multimedia (MSC) diwujudkan sebagai satu medan menaik taraf, mencipta dan memperkenalkan pembaharuan mutakhir dalam bidang Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT). Melalui pengenalan sistem multimedia, memberi cabaran baru kepada pendidikan Sejarah. Kaedah pembelajaran maya (E-learning) telah menjadi satu tuntutan dan tidak dapat dinafikan kepentingannya. Pembelajaran maya menyediakan pelajar untuk mengulangkaji pelajaran dan menduduki ujian secara on-line menerusi Internet. Perlaksanaan konsep Sekolah Bestari (Smart School) telah dimulakan pada tahun 1999, melibatkan 92 buah sekolah terpilih di seluruh negara. Pengajaran dan pembelajaran maya ini menuntut perubahan terhadap kurikulum dan perlaksanaan pembelajaran semasa, melibatkan semua mata pelajaran termasuklah Sejarah.

Sehubungan itu, kaedah pembelajaran maya dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah di sekolah-sekolah ini akan dapat menjadikan pengajaran dan pembelajaran Sejarah lebih berkesan serta memberi banyak manfaat seperti berikut. Pertama, dapat mempelbagai serta memperkaya sumber rujukan dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah agar tidak terhad kepada buku teks sahaja. Kedua, dapat menarik minat pelajar kerana ia sesuatu yang mempunyai pelbagai cara seperti melalui grafik dan gambar-

gambar. Ketiga, ia juga dapat mengikis tanggapan bahawa mempelajari Sejarah adalah suatu aktiviti yang membosankan, malah membuktikan bahawa sejarah boleh diketengahkan seiring dengan arus perkembangan teknologi terkini. Akhirnya, dapat menyemai semangat patriotisme dan nilai-nilai murni dapat diperkuuh dengan membanyakkan ruang masa untuk diisi dengan aktiviti pembelajaran sejarah. Ini mengurangkan peluang pelajar menggunakan ICT untuk tujuan-tujuan lain yang bertentangan dengan etika dan nilai-nilai moral melalui penggunaan Internet.

Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran Sejarah, ia tidak dapat lari daripada menggunakan bahan-bahan pembelajaran yang terdapat dari sumber Internet. Internet menjadi satu gedung rujukan yang bersifat sumber maklumat "tanpa sempadan". Jika dahulu sumber pengetahuan sejarah adalah dalam bentuk bertulis dan pembelajaran berkisar di dalam bilik darjah, tetapi sekarang bilik darjah telah menjadi sebuah bilik darjah "bestari" yang membolehkan pelajar menggunakan komputer untuk mencari lebih banyak pengetahuan dan maklumat. Cabaran pedagogi yang dihadapi adalah begitu pelbagai dan rumit. Peranan guru bukan terhad sebagai penyampai pengetahuan tetapi yang lebih penting bertindak sebagai pemudahcara dalam proses pembelajaran. Dalam hal ini, guru-guru sejarah perlu mempunyai ilmu pengetahuan yang lebih luas dan mendalam sebagai persediaan menghadapi kemungkinan "lambakan" maklumat yang tanpa batasan.

Persediaan yang penting ialah sejahterakan kesediaan guru untuk menghadapi fenomena tersebut. Beberapa persoalan yang amat berkaitan dengan proses pengajaran dan pembelajaran sejarah antaranya ialah bagaimana penggunaan Internet dapat

dimaksimumkan untuk meningkatkan pemahaman serta penghayatan sejarah yang lebih baik, dan juga bagaimana guru dapat memanfaatkan maklumat-maklumat sejarah untuk diintegrasikan bagi melahirkan pelajar-pelajar yang mempunyai nilai-nilai kewarganegaraan yang tinggi serta semangat perpaduan kaum yang utuh. Oleh kerana peristiwa sejarah boleh diinterpretasikan dalam pelbagai cara, maka peranan guru amat penting dalam mengawal dan memilih fakta-fakta yang jelas dan tepat serta membincangkan peristiwa-peristiwa sejarah supaya tidak berlaku salah tafsir yang menggugat keutuhan perpaduan di kalangan pelajar.

Beberapa kajian menunjukkan bahawa penggunaan perkhidmatan Internet memberikan cabaran yang tinggi kepada guru dan pelajar. Antaranya ialah masalah kelengkapan yang mundur, akses yang lambat, maklumat dalam Bahasa Malaysia yang kurang serta masalah mendapatkan sumber yang tulen dan berkualiti (Taly, 1996; Abdul Hamid Abdul Rahman, 2001, dan Abtar Kaur, 2001). Proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah boleh dipelbagaikan dengan penggunaan bahan-bahan dalam Internet.³ Yang penting ialah kesanggupan guru, pelajar serta pentadbir sekolah untuk mengambil langkah-langkah tersebut. Cara pengajaran dan pembelajaran yang lebih selari dengan perkembangan terkini akan memberi manfaat kepada pelajar. Mata pelajaran Sejarah memainkan peranan yang amat penting, kerana ia merupakan satu-satunya mata pelajaran yang mendapat membina, menerap dan seterusnya memperkuuh nilai-nilai kewarganegaraan dan perpaduan kaum.

5.1.2 Cadangan-Cadangan Perlaksanaan Pendidikan Sejarah

Perlaksanaan dan keberkesanan dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah amat bergantung kepada peranan positif dan progresif guru-guru Sejarah. Guru-guru Sejarah harus bersedia bagi melaksanakan dan merealisasikan matlamat yang terkandung dalam kurikulum. Guru-guru Sejarah boleh melaksanakan tugas dengan cemerlang sekiranya mereka memiliki ciri-ciri profesionalisme dan bermotivasi tinggi. Ini hanya akan dapat diperolehi sekiranya proses penyaluran maklumat berkaitan dasar pendidikan dan kurikulum dilaksanakan secara berkesan dari peringkat penggubalan sehingga ke peringkat perlaksanaan.

Penerapan nilai-nilai kewarganegaraan dan perpaduan boleh dijayakan sesuai dengan konsep pendidikan yang berdasarkan kepada masyarakat untuk menyediakan warganegara yang berkualiti serta bersedia untuk hidup bersama di dalam sebuah negara. Pendidikan Sejarah di sekolah haruslah memastikan pelajar-pelajar diberi maklumat sejarah yang dapat menimbulkan kesedaran betapa pentingnya perpaduan dan semangat kewarganegaraan di dalam sebuah negara yang mempunyai penduduk daripada berbilang kaum seperti Malaysia. Contohnya, selepas pelajar mempelajari sejarah yang membawa kepada kejatuhan Melaka ke tangan Portugis, salah satu faktor kejatuhan tersebut yang perlu ditekankan adalah disebabkan oleh pengkhianatan dan perbalahan antara pembesar-pembesar. Di sini, pelajar perlu disedarkan bahawa bermusuhan sesama sendiri akan membuka ruang kepada musuh atau kuasa asing untuk menjajah negara.

Seterusnya, pelajar harus diberikan peluang untuk menunjukkan sikap, reaksi, pendirian dan pandangan dalam pelbagai bentuk atau aktiviti semasa proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Kemahiran kewarganegaraan seperti menyatakan pendirian, membuktikan hasrat sebagai rakyat yang ingin mempertahankan negaranya daripada dikuasai oleh kuasa asing akan dapat ditanamkan di dalam diri pelajar. Pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang terlalu menekankan kepada persoalan betul atau salah juga perlu dikikis. Khoo Kay Kim (2001:11) dalam *Utusan Malaysia*, menegaskan bahawa "... dalam sejarah, tiada betul atau salah. Dua atau tiga jawapan pun boleh jadi betul.". Seterusnya, beliau menegaskan bahawa pandangan yang berbeza tentang sesuatu peristiwa sejarah akan dapat merangsang pemikiran kreatif dan kritikal di kalangan pelajar. Dengan ini juga, akan muncul kepelbagaian pemikiran, perasaan dan semangat yang bukan sahaja dapat membawa perubahan cadangan-cadangan yang bermasalah, tetapi juga dapat menimbulkan keseronokan semasa mempelajari Sejarah.

Untuk mengelakkan pengajaran dan pembelajaran Sejarah bersifat sehala dan hafalan semata-mata, soalan-soalan peperiksaan haruslah menjurus ke arah menguji serta mencungkil perasaan, sikap dan isi hati pelajar terhadap isu-isu kewarganegaraan dan perpaduan kaum. Di samping itu, dalam usaha untuk memantapkan unsur-unsur perpaduan kaum di Malaysia, kandungan buku teks perlu disemak atau diselaraskan semula sesuai dengan peranannya sebagai saluran penyampaian maklumat dan ilmu pengetahuan yang utama kepada pelajar-pelajar di sekolah. Beberapa perkara perlu diberi lebih penekanan dalam isi kandungan buku teks, seperti susurgalur permulaan sejarah Kesultanan Melayu Melaka yang merupakan kesinambungan daripada kerajaan Srivijaya dan kerajaan Majapahit. Satu bab khas perlu diperuntukkan bagi

menghuraikan secara terperinci proses kewujudan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum. Penekanan harus diberikan juga kepada sikap toleransi antara kaum yang menyumbang kepada kemerdekaan dan keamanan di negara ini. Sumbangan dan peranan kaum-kaum dalam pembangunan negara perlu lebih ditonjolkan.

Seterusnya, pembangunan sumber manusia yang lengkap, seimbang dan sepadu adalah juga bergantung penuh kepada proses pendidikan. Dalam konteks ini, YAB Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad (Utusan Malaysia, Mei, 2001: 2) sendiri menegaskan betapa mustahaknya sistem pendidikan menyediakan 'generasi kedua' atau 'generasi wawasan' dalam menentukan piawaian pendidikan untuk masa depan. Justru itu, konsep Pendidikan Untuk Masa Depan (Education for the Future) diajukan sebagai persiapan menangani cabaran-cabaran yang bakal dihadapi.

Pendidikan Sejarah diakui amat penting dalam pembentukan generasi yang dapat melahirkan semangat patriotisme, cinta negara serta sebagai saluran ke arah mengukuhkan perpaduan nasional. Satu strategi yang mantap dan kukuh perlu dilaksanakan untuk menjamin kejayaan serta keberkesanannya matlamat pendidikan sejarah. Justru, proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah harus selari dengan situasi semasa dan menjurus ke arah kehidupan masa depan. Terdapat pelbagai strategi dalam pengajaran dan pembelajaran yang boleh dilaksanakan untuk mengembangkan minat serta menghidupkan kembali proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah. Satu strategi yang boleh diketengahkan dalam hal ini adalah strategi pemikiran masa depan atau Kajian Masa Depan (Future Studies).

Mata pelajaran Sejarah perlu diketengahkan sebagai suatu mata pelajaran yang amat relevan kepada kehidupan semasa dan keperluan negara. Menurut Abdul Rahim Abdul Rashid (1999:46), "*... walaupun sejarah adalah berkaitan dengan segala perkara yang sudah berlaku dan berlalu, tetapi dari segi pengajarannya, pengetahuan sejarah yang dibincangkan dan dipelajari perlu dikaitkan dengan pelbagai perkembangan yang relevan dengan perkembangan masa kini dan masa depan. Sejarah perlu menjadi suatu pengetahuan yang bersifat futuristik untuk membentuk individu dan masyarakat yang tahu menghargai sejarah bangsa dan negara.*"

Kajian Masa Depan adalah proses pengajaran dan pembelajaran yang menekankan strategi pemikiran bersifat futuristik. Ia meliputi satu disiplin ilmu untuk melihat masa depan daripada trend atau aliran perubahan masa lampau, masa kini hingga kepada apa yang dapat dibayangkan akan berlaku pada masa depan. Kajian Masa Depan dipandang sebagai matriks memandang ke hadapan. Matriks ini mengandungi konsep masa depan, kapasiti manusia, persepsi dan metodologi, alatan serta proses luaran. Ia diperkenalkan melalui isu, tema dan aplikasi untuk membuat ramalan berdasarkan pengetahuan dan maklumat yang sedia ada.⁴

Perlaksanaan strategi ini diharapkan akan dapat mengubah persepsi masyarakat, khasnya pelajar, yang menganggap mata pelajaran Sejarah bersifat hambar atau dipelajari secara hafalan dan ingatan untuk tujuan peperiksaan sahaja. Sebaliknya, pelajar akan dapat memahami bahawa sejarah itu amat berkaitan dengan kehidupan mereka serta dapat dijadikan panduan untuk menentukan arah masa depan. Pelajar juga dapat melihat sejarah masa lampau sebagai landasan dalam membina bangsa dan negara

pada masa akan datang. Justru, peristiwa-peristiwa lampau dapat dijadikan kayu ukur dan teladan agar kesilapan-kesilapan lalu tidak berulang.

Disamping itu, pelajar-pelajar akan dapat memahami bahawa sesuatu peristiwa atau perlakuan masa lampau dan masa kini mempunyai pengaruh yang besar terhadap apa yang akan berlaku pada masa hadapan. Ini adalah berdasarkan apa yang dinyatakan oleh Slaughter (1995:17), iaitu "*... History and futures both rely on our ability to move out of the present and construct or reconstruct some of the main features of other times and other places.*"

Daripada pemahaman dan penghayatan sejarah, pelajar akan berusaha meningkatkan pengupayaan diri ke arah menangani perasaan takut dan bimbang bagi menghadapi masa depan yang tidak menentu dan sentiasa berubah. Pelajar-pelajar akan digalakkan untuk berfikir secara kritis dan kreatif untuk membuat pilihan dan keputusan terhadap alternatif-alternatif bagi membentuk masa depan yang lebih sempurna. Pelajar perlu mengetahui cara memandang masa depan bagi mewujudkan masyarakat yang rasional, dinamik serta dapat menerima hakikat perubahan, seterusnya berupaya menangani perubahan itu.

Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran Sejarah di sekolah-sekolah, Kajian Masa Depan boleh diterapkan melalui perbincangan tema-tema atau isu-isu tertentu di bawah ruang litup topik-topik sejarah masa lalu, seperti yang ditetapkan dalam sukatan-sukatan pelajaran peringkat rendah dan menengah. Strategi ini dapat dilaksanakan melalui beberapa teknik dan cara pengajaran dan pembelajaran khusus melalui

pemahaman konsep masa dan masa depan. Pelajar akan dapat memahami konsep masa dengan menggunakan metafora masa sebagai instrumen perantaraan. Dengan ini akan dapat mewujudkan kesedaran terhadap masa dan hubungannya dengan metafora yang dipilih. Pelajar juga dapat meneroka dan melihat masa depan secara sistematik melalui gambaran peristiwa-peristiwa sejarah lampau yang dipelajari. Seterusnya, pelajar akan dapat memahami bahawa ada perkaitan yang nyata antara masa lalu, masa kini dan masa depan. Tegasnya, pelajar dapat menginsafi bahawa masa itu ialah sesuatu yang berterusan, malah ia dapat berfungsi memperluaskan masa sekarang.

Akhir sekali, proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah di sekolah-sekolah akan menjadi lebih menarik dengan adanya kerjasama dan sokongan daripada badan-badan seperti Arkib Negara Malaysia, Muzium Negara dan Perpustakaan Negara. Pihak-pihak berkenaan haruslah menyediakan ruang dan kemudahan-kemudahan kepada guru dan pelajar untuk menjalankan aktiviti pembelajaran, selain daripada membuat pameran ke sekolah-sekolah untuk pendedahan pelajar, serta menjalankan kursus dan seminar bagi guru-guru untuk meningkatkan lagi ilmu pengetahuan mereka terhadap hasil-hasil sejarah warisan negara.

5.2 Rumusan

Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran, sejarah adalah merujuk kepada satu bidang ilmu tentang masa lampau. Pendidikan Sejarah memberikan sumbangan tersendiri terhadap pembangunan bangsa dan negara. Peristiwa-peristiwa sejarah dipelajari dan dihayati untuk dijadikan ikhtibar serta garis panduan untuk meneruskan

kesinambungan pembangunan sesuatu tamadun. Daripada peristiwa sejarah juga, kita dapat mengelak daripada mengulangi kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh generasi lalu. Kemunculan sejarawan ulung di dunia didorong oleh kesedaran tentang pentingnya sejarah itu direkodkan sebagai bahan ilmu. Sejarah diterima sebagai satu bidang ilmu yang tidak kurang pentingnya dalam proses pembangunan insan, negara dan tamadun manusia. Sehubungan itu, pendidikan sejarah menjadi saluran penting untuk menerapkan nilai-nilai kewarganegaraan, pemerolehan ilmu pengetahuan serta menanam nilai-nilai kemanusiaan. Ilmu sejarah merupakan satu bidang ilmu yang mengandungi fakta-fakta sesuatu peristiwa, sebab-musabab, proses, implikasi dan pemikiran-pemikiran. Pendidikan Sejarah menjadi saluran utama ke arah pemahaman dan penghayatan sejarah. Objektif pendidikan Sejarah ialah untuk pemerolehan ilmu dan perkembangan intelek, mengembangkan pemikiran kritis dan kreatif, meningkatkan kemahiran sosial serta memperkayakan sikap sosial masyarakat.

Di Semenanjung Malaysia, pendidikan Sejarah melalui beberapa tahap perubahan mengikut zaman, iaitu Zaman Pemerintahan British (1900-1957), Zaman Selepas Merdeka (1957-1979) dan Pendidikan Sejarah dalam KBSR dan KBSM (1980-2002). Pada zaman pemerintahan British, pendidikan Sejarah dilaksanakan bertujuan bagi memenuhi kepentingan dan matlamat kolonialisme British. Kurikulum Sejarah adalah berbeza mengikut jenis-jenis sekolah yang berlandaskan kaum atau sekolah-sekolah vernakular yang mempunyai kurikulum yang tersendiri. Pada zaman selepas merdeka sebelum pengenalan KBSR dan KBSM, pendidikan Sejarah masih tidak mempunyai banyak perubahan berbanding dengan zaman sebelumnya. Ini adalah kerana kurikulum Sejarah masih lagi menggunakan kurikulum yang diperkenalkan oleh

penjajah British. Proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah tidak menyumbang kepada pembentukan masyarakat Malaysia yang bersatu padu dan mempunyai nilai-nilai kewarganegaraan yang sewajarnya. Umumnya, kandungan sukan pelajaran Sejarah di peringkat sekolah rendah dan menengah pada zaman awal selepas merdeka masih bersifat "western-centric" dan tidak jelas falsafah dan matlamat perlaksanaannya.

Pendidikan Sejarah dalam KBSR dan KBSM yang bermula pada tahun 1980an, telah mengalami perubahan yang amat ketara. KBSR dan KBSM telah dirangka dan digubal oleh tenaga kepakaran dan buah fikiran anak tempatan sepenuhnya. Penggubalan KBSR dan KBSM adalah berteraskan kepada falsafah pendidikan negara. Matlamat kurikulum pendidikan sejarah telah ditentukan arah dan halatujunya, iaitu ke arah memupuk perpaduan kaum dan menerapkan nilai kewarganegaraan yang menjadi penentu kepada kesinambungan pembangunan negara. Falsafah, matlamat dan objektif pendidikan Sejarah telah dinyatakan dengan jelas dan terperinci sebagaimana yang terdapat di dalam sukan pelajaran dan huraian sukan pelajaran Sejarah. Isi kandungan kurikulum mata pelajaran Sejarah adalah berfokus kepada Sejarah Malaysia sepenuhnya. Sejarah negara-negara luar hanya dipelajari mengikut kepentingan hubungannya dengan negara Malaysia.

Walau bagaimanapun, dari segi amalan pengajaran dan pembelajaran, penerapan nilai-nilai tersebut adalah kurang berkesan. Ini adalah kerana proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah tidak banyak berubah, iaitu masih bersifat tradisional. Pelbagai isu dan kekangan dihadapi, terutamanya di peringkat perlaksanaan di bilik darjah. Antaranya ialah kegagalan untuk melahirkan pelajar yang mempunyai ilmu pengetahuan

sejarah yang tinggi serta mampu berfikir secara kritis dan kreatif. Kurangnya minat dan persepsi negatif terhadap mata pelajaran Sejarah, yang dianggap oleh pelajar tidak relevan dengan kehidupan seharian, juga menyumbang kepada kegagalan tersebut.

Menyedari akan kelemahan-kelemahan tersebut, maka pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, khususnya Pusat Perkembangan Kurikulum telah mengambil langkah merombak semula kurikulum mata pelajaran Sejarah yang telah digunakan sejak tahun 1983. Perubahan terkini ialah memberi penekanan kepada usaha untuk menerapkan unsur-unsur patriotisme dalam kurikulum pendidikan Sejarah. Dengan itu, semakan semula kurikulum melibatkan penyusunan dan penstrukturkan semula sukanan pelajaran Sejarah untuk tingkatan satu hingga tingkatan lima yang akan mula dilaksanakan pada tahun 2003.

Di samping itu, beberapa langkah perlu diambil untuk memastikan mata pelajaran Sejarah masih relevan dan dapat menyumbang kepada pembangunan negara di masa hadapan. Langkah-langkah tersebut adalah meliputi peningkatan taraf profesionalisme guru-guru Sejarah, penggunaan kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran Sejarah yang lebih terkini dan praktikal seperti penggunaan Internet dan keadah Kajian Masa Depan (Futures Studies), pengubahsuaian isi kandungan buku-buku teks di semua peringkat pengajian, dan mengikis sikap mempelajari sejarah bagi tujuan peperiksaan semata-mata. Bagi meningkatkan minat pelajar terhadap mata pelajaran Sejarah, semua pihak harus memainkan peranan dalam memberikan sokongan dan galakan. Ini melibatkan golongan ibu bapa, badan-badan bukan kerajaan (NGO) dan masyarakat keseluruhannya.

1. Zainal Rashid Kamaruddin (2001). Peningkatan mutu pendidikan Sejarah melalui buku teks baru tahun 2003. *Persidangan Kebangsaan Pendidikan Sejarah Ke Arah Pembentukan Warganegara Patriotik*. Pusat Perkembangan Kurikulum dan Persatuan Sejarah Malaysia. hlm. 2.
2. Abd. Rahim Abd. Rashid (2001). Guru sejarah berkesan dan bermotivasi tinggi dalam pengajaran sejarah dan penerapan patriotisme. *Kertas Kerja Persidangan Kebangsaan Pendidikan Sejarah Ke Arah Pembentukan Warganegara Patriotik*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia. hlm. 7.
3. Abtar Kaur (2001). E-learning dan Internet-based learning dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah. *Seminar Pendidikan Sejarah Ke Arah Pembentukan Warganegara Patriotik*. Pusat Perkembangan Kurikulum dan Persatuan Sejarah Malaysia. hlm. 13.
4. Slaughter, R. A. (1997). *Future Tools and Techniques*. Lancaster: University of Lancaster. hlm. 17